

BORANG B2 – AKU JANJI PEGUAM
(diisi oleh Peguam)

DALAM MAHKAMAH TINGGI

DALAM PERKARA PENGGULUNGAN SYARIKAT NO.:

BER: (nama syarikat) (dalam penggulungan)

**PERMOHONAN PENYUMBANG UNTUK KEBENARAN PENYELESAI DI
BAWAH AKTA SYARIKAT 1965 / AKTA SYARIKAT 2016**

BAGI MEMULAKAN DAN / ATAU MENERUSKAN TINDAKAN

MAHKAMAH :

GUAMAN NO. :

PIHAK-PIHAK :

.....

AKU JANJI PEGUAM

Bahawasanya saya
No. Kad Pengenalan: dan nombor keahlian *Bar Council* ('BC No.') daripada firma guaman
..... bersetuju untuk mewakili (nama syarikat) (dalam penggulungan) dalam tindakan guaman di atas. Saya dengan ini memberi aku janji bahawa:

- (1) Saya sedar bahawa Mahkamah Tinggi telah membuat Perintah Penggulungan terhadap syarikat di atas;
- (2) Saya tidak akan membuat apa-apa tuntutan kos, perbelanjaan atau apa-apa bayaran terhadap estet penggulungan atau terhadap Pegawai Penerima dan Penyelesai;

- (3) Saya akan memaklumkan kepada Pegawai Penerima dan Penyelesai perkembangan kes ini dari semasa ke semasa secara bertulis;
- (4) Saya akan turut memaklumkan kepada Pegawai Penerima dan Penyelesai sekiranya ingin merayu. Bagi setiap peringkat prosiding / rayuan, permohonan kebenaran penyelesaian ('sanksi') yang baharu hendaklah dimohon oleh Penyumbang kepada Pegawai Penerima dan Penyelesai;
- (5) Sekiranya saya berhenti bertindak daripada mewakili syarikat dalam guaman tersebut, saya akan memaklumkan berkenaan pemberhentian saya ini kepada Pegawai Penerima dan Penyelesai secara bertulis. Lanjutan itu, kebenaran penyelesaian ('sanksi') yang baharu perlu dimohon oleh Penyumbang syarikat kepada Pegawai Penerima dan Penyelesai sebelum apa-apa tindakan guaman dimulakan dan/atau diteruskan di mahkamah oleh peguam dan firma guaman yang baharu;
- (6) Saya akan menyerahkan kepada Pegawai Penerima dan Penyelesai apa-apa wang, pampasan atau faedah yang diterima oleh syarikat yang digulungkan untuk dimasukkan ke dalam aset penggulungan syarikat di atas bagi kepentingan pemiutang-pemiutangnya sekiranya keputusan mahkamah dalam tindakan tersebut memihak kepada syarikat yang digulungkan;
- (7) Pegawai Penerima dan Penyelesai tidak akan bertanggungjawab dan tidak boleh dipertanggungjawabkan sama sekali atas apa-apa kegagalan, kerugian atau apa-apa kos yang terlibat atau yang dikenakan oleh mana-mana pihak yang terlibat dalam guaman dan/atau yang berbangkit daripada guaman tersebut / kos guaman;
- (8) Sekiranya penghakiman persetujuan dimasukkan, persetujuan Pegawai Penerima dan Penyelesai hendaklah diperolehi terlebih dahulu dan saya akan memastikan bahawa terma-terma persetujuan tidak akan bercanggah atau menyalahi mana-mana peruntukan Akta Syarikat 1965 / Akta Syarikat 2016; dan

- (9) Sekiranya saya gagal dalam melaksanakan Aku Janji ini, Pegawai Penerima dan Penyelesai berhak membatalkan kebenaran penyelesaian ('sanksi') yang diberikan secara bertulis ke mahkamah dan wang jaminan yang telah dibayar oleh Penjamin akan dirampas.

Bertarikh:

Ditandatangani oleh:

.....
Nama Peguam:

No. Kad Pengenalan:

Nombor Keahlian *Bar Council* ('BC No.')
berserta cop rasmi Peguam:

Nama Firma Guaman berserta
cop rasmi Firma Guaman: